

Prinsip Syarak Menurut Muhammad Asad dan Implikasinya dalam Tafsiran Nusus

Ahmad Nabil Amir

Former Associate Research Fellow, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM)

nabiller2002@gmail.com

Tasnim Abdul Rahman

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

tasnimrahman@unisza.edu.my

Nur Sakiinah Ab Aziz

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

sakiinahaziz@unisza.edu.my

Abstrak: Kertas ini mengupas pandangan hukum Muhammad Asad dalam bukunya *This Law of Ours and Other Essays (Hukum Syariat Kita Ini dan Esei-esei Lain)* dan melihat sejauh mana pengaruh dari aliran pemikiran Zahiri yang dikembangkan oleh Ibn Hazm al-Andalusi (w. 456/1064) mengesani penafsiran dan idealisme hukumnya. Ia berusaha menampilkan falsafah dan epistemologi hukum yang digarap dalam bukunya *This Law of Ours and Other Essays* yang dipengaruhi oleh karya fiqh berjilid tebal Ibn Hazm, *al-Muhalla*. Kajian dirangka berasaskan pendekatan deskriptif-kualitatif dengan menerapkan metode historis, tematik, semantik, hermeneutik, dan komparatif yang bersifat interpretatif, kritis dan analitik. Temuan kajian mendapati pandangan hukum Muhammad Asad banyak dipengaruhi oleh ideologi mazhab dari fiqh klasik Zahiri terutamanya dalam masalah ijtihad dan *nass*. Perbincangan hukum yang dirumuskannya banyak diilhamkan dari karya Ibn Hazm yang berasal daripada kesimpulan dan doktrin hukumnya yang konservatif dan tradisional serta pemahaman tekstualnya terhadap nas yang cuba dikembangkan dalam konteks moden berhubung dengan persoalan syariat dan tujuan-tujuan spiritual dan sosialnya yang menentukan dalam kehidupan masyarakat luas sebagai “tabiat moral”.

Kata kunci: Muhammad Asad, Ibn Hazm, Daud al-Zahiri, syariat, *This Law of Ours*.

Abstract: The paper aims to throw lights on Muhammad Asad’s legal thought as expounded in his book *This Law of Ours and Other Essays* to identify the extent to which Zahiri dogmatic literalism had influenced his legal ideas and interpretation. It seeks to present its underlying philosophy and epistemology of *sharī‘ah* premises upon plain and direct ordinances of the two fundamental source of *Sharī‘ah*, the Qur’ān and sunnah (the life-example of the Prophet saw) that constituted the Law of Islam. The study is based on

descriptive-qualitative approaches using historical, textual, thematic, semantic, hermeneutical and interpretative method to analyze the data. The finding shows that Muhammad Asad's cohesive ideas of Islamic law was largely derived from Ibn Hazm's (d. 456/1064) legal hermeneutic as projected in his voluminous work of Islamic jurisprudence, *al-Muhallā*. It was structured upon his classical text that inspired his conscious ideas of the spiritual and social aims of the law and its observance as moral habit, and to expound the ideological basis of the *sharī'ah*, its nature, meaning and practical implication in the modern context.

Keywords: Muhammad Asad, Ibn Hazm, Daud al-Zahiri, Islamic law, *This Law of Ours*

PENDAHULUAN

Makalah ini menyorot idea-idea hukum yang dikembangkan oleh Muhammad Asad (w. 1412/1992) dalam bukunya *This Law of Ours and Other Essays (Hukum Syariat Kita Ini dan Esei-esei Lain)* yang memuatkan sejumlah artikelnya dari tahun 1940an tentang persoalan Shari'ah, terutamanya yang diterbitkan dalam jurnal *Arafat: A Monthly Critique of Muslim Thought*, berkala bulanan yang diasaskannya di Kashmir pada 1946. (Arshad, 2016) Ia berusaha menyingkap tema pokok yang disorot dalam buku ini seputar isu dan persoalan shari'ah, *furu'* dan usul fiqh, ijtihad, dan hubungannya dengan tauhid, sosio-budaya, dan etika-moral yang dirumuskan Asad dalam penafsirannya tentang sifat dan struktur hukum, serta implikasi yang praktikal dari undang-undang syariah.

Buku ini asalnya diselenggarakan oleh Pola Hamida Asad (w. 2007) dari temuannya terhadap nota, makalah, salinan manuskrip, teks ucapan, lembar syarahan, pidato, nota kuliah, kertas kerja, dan rakaman siaran radio dan tulisan ringkas Asad yang terpecar dan bertaburan yang terbiar dan tidak direkodkan sepanjang empat puluh tahun penulisannya, yang terbit pertama kali pada 1987 oleh Dar al-Andalus Gibraltar dan diulang cetak pada 2000 oleh Islamic Book Trust, Kuala Lumpur.

Esei dalam buku ini, yang ditulis seawal tahun 1940 an, berhasrat menyumbang sesuatu bagi menjelaskan kekeliruan di kalangan umat Islam tentang kerangka dan implikasi praktikal dari undang-undang Islam. Dalam reviuinya terhadap buku ini Sheikh Nausha menyimpulkan bahawa penulis Muhammad Asad menerangkan mengapa Shari'ah kini tidak lagi menjadi faktor dominan dalam kehidupan jutaan umat Muslim, sebagaimana yang pernah terjadi dalam sejarah Islam yang terawal (Asad, 1987). Sementara itu Akmal Niyazmat dari Tashkent, Uzbekistan menyorot kekuatan tema dan manhajnya yang kritis: "Inilah salah satu karya teragung yang pernah ditemui yang menghuraikan keretakan moden dalam dunia Islam. Ia bertindak menerangkan sejarah kejatuhan Muslim dalam kebebasan berfikir dan berdebat kerana mendukung faham yang ketat yang berpaut pada tradisi dan interpretasi yang telah dibentuk dan digubal." (Asad, 1987)

Manakala dalam reviu menarik yang lain daripada seorang pembaca ia mengungkapkan: “Saya sangat terhibur membaca bab pertama daripada buku ini. Bab pertama bertajuk *"This Law of Ours"* (*Hukum Syariat Kita ini*) yang jelasnya merupakan kritikan terhadap penyandaran sepenuhnya pada ijtihad ulama lampau daripada empat mazhab. Kritikan Muhammad Asad adalah berdasarkan argumen penting bahawa isu masyarakat moden memerlukan istinbat baru dan sandaran pada ijtihad ulama yang lepas hanya meletakkan syariat Islam tidak kompeten untuk menangani masalah masyarakat kontemporari. Saya turut tertarik pada bab *"The Answers of Islam"* (*Jawapan Islam*). M. Asad menjawab pertanyaan yang diutarakan oleh penerbit German yang ternama Gerhard Szczesny tentang pendirian Islam mengenai alam secara umum, agama, kemanusiaan, agama serta masyarakat dan lain-lain.”

Dalam pengantarnya yang singkat kepada buku ini Pola Hamida telah memberikan gambaran yang ringkas tentang latar penulisan dan penghasilannya. Dialah yang bertanggungjawab mengilhamkan penyusunan karya ini daripada catatan lama Asad dan mengikhtiarkan dan menyarankan supaya ia diterbitkan, sebagai kenang-kenangan kepada daya usaha dan penulisan Asad selama lebih empat puluh tahun sejak catatan awalnya dibuat di India dan Pakistan. Ia memaparkan garis kasar pemikiran dan tulisan-tulisan Asad dari pertengahan tahun 1940-an ke 1987 di mana para pembaca akan terpukau “tidak hanya dengan ketepatan dan keabadian yang luar biasa daripada pemikiran dan ramalan-ramalan ini, tetapi juga dengan kejituan ideaya yang cukup konsisten.”

Pola Hamida merasa takjub dengan konsistensi idea dan firasat yang terkandung dalam buku ini yang konsisten dengan waktu terjadinya jangkaan-jangkaan itu. Ia memuatkan bab-bab yang terpisah yang ditulis selama lebih empat puluh tahun, i.e., *This law of ours, What do we mean by Pakistan?* (disiarkan dalam majalah *Arafat*, Lahore pada Mei 1947), *Calling all Muslims* (cuplikan daripada tujuh siri siarannya yang dipancarkan dalam radio Pakistan pada akhir musim panas 1947), *The encounter of Islam and the West as seen by the Muslims* (petikan bual bicaranya dalam Radio Beromunster, Switzerland, 1959), *Islam and the spirit of our times* (ceramahnya ketika bersiaran dalam Radio Beromunster, Switzerland, 1960), *The answers of Islam* (diterbitkan di German pada 1960an oleh Szczesny Verlag, Munich), *Jerusalem the open city* (ucaptama dikirimkan untuk konferen Asosiasi Pelajar Muslim Amerika, pada akhir 1970an), *A vision of Jerusalem* (dikeluarkan dalam majalah *Ahlan Wasahlan*, Jeddah isu November/Disember 1982), *The meaning and significance of the hijrah* (diterbitkan di London pada November 1979) dan *The Message of the Qur'an* (ucaptama disampaikan dalam Conference of the Islamic Council, London pada April 1980)

Bab terakhir buku ini, *The Message of the Qur'an* menguraikan secara ringkas signifikasi moral dan spiritual daripada al-Qur'ān dalam abad moden. Ia turut menyorot beberapa aspek dari kedalaman Kitab Suci – “yang abadi dan tak berpenghujung” – subjek dari syarahannya yang disampaikan dalam Persidangan yang dianjurkan oleh Islamic Council, London pada bulan April 1980. Ia mengingatkan tentang terjemahan dan

tafsir al-Qur'an nya ke dalam bahasa Inggeris yang baru diterbitkan pada 1980 yang diraikan pada permulaan abad ke-14 Hijri. Naskah ini menyusuli edisi terhad daripada sembilan *surah* yang pertama, dari al-Qur'an pada 1964, dengan edisi lengkap, sebuah jilid merangkumi 1000 halaman, yang mengakhiri sumbangan kesarjanaannya dan pengabdianya yang panjang pada Islam. (Nawwab, 2002)

Dalam pendahuluannya kepada bab ini Asad menyebut: “Beberapa minggu yang lalu, saudara saya Salem Azzam yang akhirnya bertanggungjawab atas Konferensi ini, mencadangkan kepada saya bahawa “The Message of the Qur'an” harus menjadi subjek pembicaraan saya dalam kesempatan ini. Saya harus mengakui bahawa pada awalnya saya agak terkejut oleh permintaan ini – kerana alasan yang mudah bahawa “The Message of the Qur'an” adalah tajuk dari terjemahan dan komentar saya atas al-Qur'an yang baru saja diterbitkan setelah tujuh belas tahun penyusunannya. Memandangkan karya ini terdiri dari lebih 1000 halaman bercetak, tampaknya saya tidak dapat dengan menguntungkan menambah apa-apa kepadanya dalam kompas ceramah yang terbatas seperti ini. Bagaimanapun setelah menerima sejumlah telegram yang mendesak dari saudara saya Salem, terfikir pada saya bahawa permintaannya, betapapun jua, tidaklah tersasar sebagaimana yang saya fikirkan awalnya. Diakui bahawa saya telah bekerja selama bertahun-tahun tentang subjek pesan al-Qur'an – tetapi adakah usaha kecil saya itu telah menyeluruhi segenap kedalaman Kitab Suci? Nescaya tidak, tidak pendekatan saya padanya, mahupun tafsir yang dihasilkan oleh ulama Islam yang terbesar pada masa lalu, dapat sesekali mendakwa telah “mencakup” sesuatu yang sama sekali tidak akan kering dan habis lantaran kenyataan bahawa ia mewakili Pesan terakhir Tuhan kepada umat manusia.” (Asad, 1987: 187)

Sepanjang separuh kedua dari 1970an, Asad diundang beberapa kali ke pelbagai konferensi di London, banyak ziarahnya ditaja oleh Islamic Council of Europe, gagasan Salem Azzam (1924-2008) Setiausaha Agung Majlis Islam Eropah, adik kepada teman baik Asad Dr. Abd al-Wahhab Azzam (1894-1959), duta Mesir ke Pakistan (1952-1954), (Asad & Pola Hamida, 2012: 258). Asad menyampaikan sejumlah pembicaraan di London dalam kesempatan tersebut. Dua daripada ini (“The Meaning and Significance of Hijrah” disampaikan di London pada November 1979, dan “The Message of the Qur'an” disampaikan pada April 1980), telah dimasukkan dalam monografinya, *This Law of Ours and other Essays* (1987). (Arshad, 2017)

Ulasannya dalam bab memberikan kefahaman yang lebih terperinci tentang ide-ide dasar yang diartikulasi dan dilakarkan tentang kitab suci serta pesan-pesan al-Qur'an yang universal yang dijabarkan dan dibincangkannya dengan kritis. Dalam tinjauannya tentang tafsirnya ini Fadlullah Wilmot (2024) menukilkan: “*The Message of the Qur'ān*” telah menetapkan duluan baru dalam tafsiran al-Qur'ān dan masih menjadi penyuluh bagi penterjemah di abad moden. Dalam tafsirannya, beliau banyak bergantung kepada mufassir terkemuka di era klasik dan moden seperti Tabari, Zamakhshāri, Ibn Kathir, Rāzi, Raghib Isfahāni, Ibn Manzur, Rashid Rida, Muhammad Abduh dan

sebagainya. Untuk mencapai tafsiran yang paling autentik, beliau memberi tekanan khusus pada aspek etimologi dan linguistik, dan telah menterjemah sejumlah ungkapan dan frasa dengan sangat meyakinkan yang secara signifikan membantu menerobosi pesan sebenar al-Qur’ān.”

Penerbitan *This law of Ours* ini sangat ditunggu-tunggu yang merangkumkan pemikiran intelektual Asad yang dirangkumkan sepanjang empat dasawarsa tentang aspirasi dan cita-cita Islam, falsafah dan pendekatannya yang syumul dan bermakna kepada syariah. Dalam pengantarnya Hamida merumuskan ide-ide pokok yang dijabarkan Asad dengan tuntas berkisar tentang persoalan hukum dan syariat. Ia merangkumkan tema yang mapan yang diterjemahkannya dengan berteraskan nilai kemasyarakatan dan hikmah dalam konteks menggerakkan kemampunan dan kelestariannya. Menerusi fikrahnya yang merangkum seluruh kepentingan Islam dan komitmennya yang berterusan kepada dinamika syariah ia menjelaskan persoalan krusial tentang tamadun, tauhid, syariat, undang-undang, kenegaraan, ekonomi, politik, masyarakat, peradaban, nilai moral, spiritual, ideologi Islam dan Barat, *hijrah*, dan Baytul Maqdis. Dalam pendahuluannya kepada buku ini Asad menerangkan serba ringkas latar belakang dan struktur penyusunannya: “Tesis yang diajukan dalam halaman-halaman ini adalah berdasarkan sejumlah esei yang diterbitkan di Lahore antara September 1946 dan Februari 1947. Ia dikeluarkan dalam berkala *Arafat*, yang saya tulis dan sunting pada masa itu sebagai “jurnal satu-orang manusia”. Sebagaimana terbukti daripada tajuk-kecilnya “*A Monthly Critique of Muslim Thought*” (kritik bulanan atas pemikiran Muslim) *Arafat* adalah semacam monolog kewartawanan yang bermaksud untuk menjelaskan – sejauh yang termungkin bagi seorang lelaki – kekeliruan besar yang merata dalam masyarakat Muslim tentang ruang lingkup dan implikasi yang praktikal dari Undang-Undang Islam. Dorongan awal kepada monolog seperti ini timbul kepada saya tatkala Perang Dunia Kedua, ketika – disebabkan kerakyatan Austria saya waktu itu – saya mendapati diri saya menjadi “tetamu” tanpa rela kepada Pemerintah India dari 1 September, 1939, hingga 14 Ogos, 1945. Sepanjang tahun-tahun itu sayalah satu-satunya Muslim dalam kem tahanan yang dihuni oleh lebih tiga ribu orang berbangsa Jerman, Austria dan Italia – baik pendukung Nazi mahupun anti-Nazi dan juga Fasis dan anti-Fasis – semuanya dikutip dengan tergesa-gesa dari seluruh Asia dan tanpa pandang bulu disumbat di balik kawat besi sebagai “musuh asing”; dan kenyataan bahawa saya adalah satu-satunya Muslim di tengah sekian banyak orang bukan-Islam menyumbang, jika ada, kepada keamanan keasyikan saya dengan masalah budaya dan intelektual masyarakat saya dan lingkungan spiritual yang saya pilih bagi diri saya seawal 1926.” (Asad, 1987: 1)

Justeru penulisan ini bermaksud menyorot pemikiran hukum yang diterapkan Muhammad Asad dalam karyanya tentang sifat dan peranan syariah, yang banyak terkesan daripada pemikiran fuqaha Andalus abad pertengahan Abu Muhammad Ali b. Ahmad b. Sa’id bin Hazm (w. 456/1064) dan mazhab Zahirinya (Linnhoff, 2021: 425). Tema ini penting untuk diketengahkan bagi menampilkan kekuatan idea yang dilontarkan Asad dan menggembling pengaruhnya di kalangan khalayak Muslim dengan

memaparkan fikrah dan pemikiran rasional dan semangat islah dan pembaharuan yang dibawa dalam komentar dan teks undang-undangnya ini.

METODOLOGI

Kajian dirangka berasaskan pendekatan deskriptif-kualitatif berbentuk peninjauan pustaka dan analisis isi. Data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder yang terkait. Materi yang terkumpul dianalisis dengan teknik taakulan yang kritis dengan penerapan historis, analitis, tematik, semantik, hermeneutik, dan komparatif.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Tema dan Konteks

Buku *This Law of Ours and Other Essays* ini terhasil berkat inisiatif dan kerja keras Pola Hamida yang membantu membidani dan menyelenggarakan proses pembukuannya sehingga selesai. Pola adalah isteri Asad yang keempat yang berasal dari Boston (Hasan Zillur 1995) yang dikahwininya di New York pada 1 November 1952. Asad menemui Pola di New York dalam majlis keraian tetamu yang dibawa oleh atase akhbar Pakistan dan langsung tertarik kepadanya. Dalam pertemuan resepsi itu, Asad memperkenalkan dirinya kepada Pola dan “kami berbual dan bercengkerama, dan saya mendapatinya mempunyai pemikiran yang perseptif, segar, lantas saya menyedari dan tak dapat menyembunyikan rasa yang saya telah jatuh cinta padanya...saya mengajaknya keluar makan malam dengan saya, dan dia akur...Itu adalah [pertemuan pertama mereka] pada 7 Mei, 1952. Pola, yang setengah umur darinya, telahpun berkahwin pada masa itu dan demikian juga Asad. Tetapi mereka saling mendekati satu sama lain selama dua bulan dan pada bulan Jun, ketika Asad melamar, Pola menukas, “Tetapi sayang, engkau sudahpun berkahwin – dan demikian pula diriku.” ‘Benar’ saya menjawab, ‘Saya sudah berkahwin, tetapi saya tidak lagi tinggal dengan isteri saya dan tiada niat hendak tinggal dengannya pada masa depan. Kami telah lama terasing daripada satu sama lain, tanpa sebarang kepentingan yang mengikat kecuali anak kami. Sementelah, saya adalah seorang Muslim dan agama membenarkan saya menikah lebih daripada seorang. Meskipun saya tidak ingin menceraikannya – disebabkan anak kami – kenyataannya kami telahpun terpisah, dan jika engkau berkenan dan sedia untuk mengahwini saya, kekalnya dia secara luaran sebagai isteri saya tidak akan memainkan apa-apa peranan dalam kehidupan engkau dan saya...” (Asad & Pola Hamida, 2012, 187-88)

Pola bersetuju. Asad mengatur untuk “menerbangkannya ke Mexico bagi mendapatkan perceraian yang segera”; dia juga menulis kepada Munira dan Talal. Berita tentang perkahwinannya dengan Pola Hamida adalah seperti ledakan besar kepada isterinya Munira dan anaknya Talal yang keduanya berada di London pada masa itu. Asad menceritakan ini semula dalam *Home-Coming of the heart* (2012, 182-189). Pola ketika itu “bekerja di the Voice of America sebagai pembantu editorial kepada pengulas radio

yang terkenal, Raymond Gram Swing...sebelum kerjayanya yang sekarang, dia telah bekerja di Jabatan Negara di Washington sebagai setiausaha kepada ketua perbendaharaan Eropah, dan dalam beberapa waktu bertanggungjawab ke atas kumpulan sekretariat dalam Delegasi Amerika Syarikat ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan dalam kapasiti itulah dia berkenalan dengan segelintir perwakilan Timur Tengah dan Pakistani kerana dia bertanggungjawab memperkenalkan para pembesar Amerika yang melawat sesi di Lake Success kepada para ketua dan anggota daripada pelbagai perwakilan. (Arshad, 2016, 59)

Asad melepaskan jawatannya sebagai Perwakilan Tetap Pakistan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada musim luruh (Oktober) 1952 setelah Perkhidmatan Luar Pakistan enggan membenarkan perkahwinannya dengan Pola atas alasan beliau sudah sedia beristeri – Munirah Hussein al-Shammari (w. 1978) [yang Asad telah kahwini pada 1930], yang tinggal di Pakistan (di bawah peraturan Perkhidmatan Luar Pakistan tiada pegawai PFS (Pakistan Foreign Service) yang dibenarkan mengahwini rakyat dari negara lain tanpa mendapatkan persetujuan yang tegas daripada Pemerintah). Pengundurannya ini telah menimbulkan kontroversi dan desas-desus dalam rangkaian akhbar Pakistani yang mendakwa telah meninggalkan idealisme Islam, dan menukar sikapnya dalam hal-hal Islamik dari apa yang terjadi sejak seperempat abad yang lalu, berbalik kepada kepercayaan Yahudi dan menikahi seorang wanita Yahudi, propaganda yang disanggah keras oleh Asad: “Wanita yang saya ingin kahwini adalah warganegara Amerika berdarah Poland, lahir dalam keluarga berketurunan Katolik Roman, dan telah memeluk Islam. Saya ingin menegaskan bahawa pemeluk Islamnya berlaku sebelum saya menjumpainya; malah persamaan pengalaman dan kepercayaan inilah yang menyatukan kami pada mulanya. Kenyataan ini diketahui oleh Pemerintah; kendati demikian, keizinan untuk berkahwin dinafikan dan perletakan jawatan yang, menurut aturan, harus saya serahkan bersama dengan permohonan untuk berkahwin diterima. Saya mengahwini wanita berkenaan pada 1 November, 1952.” (Arshad, 2016: 43)

Asad sangat terganggu oleh keributan itu dan menulis banyak surat kepada teman-temannya di Pakistan, termasuk beberapa orang editor surat-suratkhabar dan berkala yang utama. Dalam surat-surat ini, Asad menjelaskan pendiriannya dan dengan tegas mengulangi keterikatan dan komitmennya yang tak berbelah bahagi kepada Islam dan kaum Muslimin; “Wanita yang saya kahwini tahun lepas di New York bukan dan tidak pernah menjadi seorang Yahudi. Dia berasal dari darah Poland di mana keturunannya sentiasa menjadi pengikut Katolik Roman; tidak ada sebarang darah Yahudi dalam keluarga itu. Bertahun-tahun sebelum saya mengenalinya dia telah tertarik dengan kuat kepada Islam, dan keputusannya untuk memeluk Islam telah diambil lama sebelum kami berjumpa. Beberapa orang Pakistani (termasuk Menteri Luar dan wakil diplomatik Pakistan yang lain ke PBB) telah mengenali isteri saya sebelum kami bertemu dan dapat memberi keterangan tentang hal di atas. Malah, cintanya kepada Islam yang telah menyatukan kami pada awalnya dan meyakinkan saya bahawa dalam dirinya saya telah menemukan seorang teman yang memiliki cita-cita yang sama yang telah mendorong

kehidupan saya sendiri selama lebih dua puluh-lima tahun(Asad & Asad, Pola-Hamida, 2012, 182).....Pakistan sentiasa menjadi dan akan terus kekal negara pada mana segenap ketaatan dan kesetiaan saya tumpahkan; tidak hanya kerana saya telah menjadi orang yang cukup percaya dan lantang menyuarakan idea Pakistan sejak 1934 (sebagaimana ramai kawan-kawan saya sanggup persaksikan), tetapi juga kerana saya sentiasa diyakinkan bahawa penubuhan sebuah negara yang berlandaskan ideologi Islam adalah sangat penting kepada kebangkitan semangat Islam yang sebenar di seluruh dunia Muslim. (Asad & Asad, Pola-Hamida, 2024, 28-61).

Kenyataannya, isterinya lah, Pola Hamida, yang menghimpunkan kertas-kertas catatan dan ceramah radio Asad dan menyarakannya untuk diterbitkan sebagai *This Law of Ours and Other Essays*. Malah Hamida memegang hak cipta atas semua karya Asad, tidak hanya tertakluk pada edisi bahasa Inggeris sahaja malah semua hak cipta luar juga (terjemahan, petikan, dan lain-lain) (Arshad, 2016). *This Law of Ours* merepresentasi karya dan pemikiran Asad dari pertengahan 1940 an hingga 1987. Ia menjangkau lebih empat abad, sepanjang tahun-tahunnya di India, Pakistan, Amerika dan Eropah, yang kebanyakannya berasal daripada tulisannya dalam majalah *Arafat: A Monthly Critique of Muslim Thought* (1946-1947) (sepuluh keluaran) yang diterbitkan dari Dalhousie dan daripada ceramahnya dalam siaran radio, ketika berkhidmat sebagai Pengarah di Jabatan Rekonstruksi Islam (Punjab Barat) (Muzaffar Iqbal, 2016: 24). Dalam pengantarnya, Pola menunjukkan bahawa pembaca akan terpuakau, “tidak hanya dengan ketepatan waktu dan keabadian yang luar biasa dari pemikiran dan ramalan-ramalan ini, tetapi juga dengan keselarasannya yang besar.” (Asad, 1987, xi)

Dalam suratnya yang dihantar kepada Muhammad Husain Babri (1895-1986) bertarikh 19 April, 1985 Pola turut menyinggung tentang buku ini: “Kami memiliki dua naskah buku kecil yang hampir tersedia untuk cetakan, tetapi dia masih ingin melakukan tugas yang lebih besar; semuanya dalam tangan Tuhan...” (Arshad, 2017) di mana salah satu dari monograf ini adalah buku Asad *This Law of Ours and other Essays* yang diterbitkan oleh Dar al-Andalus, Gibraltar pada 1987. Karya lain yang diterbitkan ulang oleh Dar al-Andalus termasuklah *The Principles of State and Government in Islam* (1980), *Sahih al-Bukhari: The Early Years of Islam* (1981) dan *Islam at the Crossroads* (1982). Ini turut disentuh dalam surat bertarikh 8 Jun, 1955 yang dikirimkan Asad kepada Babri: “Tentang diri saya dan Hamida, tidak banyak yang dapat diungkitkan. Sekarang saya sedang mengerjakan buku terbaru saya, selain merampungkan sebuah buku yang lain tentang masalah Islam yang murni – terutamanya mengenai pendekatan baru kepada persoalan Shariah. Ini akan diterbitkan pertamanya dalam bahasa Arab dan kemudian, mungkin, di Pakistan.” (Arshad, 2016)

This Law of Ours and Other Essays mengandungi tiga puluh empat bab yang dipecahkan ke dalam sepuluh topik perbahasan. Ini meliputi *Hukum Syariat Kita Ini* (memuatkan bab: prolegomena, masa untuk perubahan, membicarakan kebangkitan Muslimin, salah siapa?, pendekatan baru, asas ketamadunan kita, peradaban Islam dan perundangan Islam, membincangkan satu saran, Sahabat dan undang-undang,

kemajuan baru, imitasi pemikiran, suara dari sembilan ratus tahun lampau, penerimaan yang kreatif, rumusan), *Apa yang Kita Maksudkan dengan Pakistan?* (memuatkan bab: melihat diri kita, keunikan Pakistan, penghindaran dan penipuan diri, pilihan di hadapan kita, masa untuk membuat keputusan, kedudukan moral kita), *Menyeru sekalian Muslimin, Pertembungan Islam dan Barat, Islam dan semangat zaman ini, Jawapan Islam* (memuatkan bab: manusia dan alam, sikap agama terhadap satu sama lain, agama dan kemanusiaan, agama dan masyarakat), *Baytul Maqdis: Kota yang Bebas, Visi Baytul Maqdis, Makna dan Kepentingan Hijrah dan Risalah al-Qur'ān*.

Ia didahului dengan sebuah prolog yang ditulis oleh Pola Hamida dan prakata serta pendahuluan yang diberikan oleh Muhammad Asad. Buku ini didedikasikan oleh Asad kepada saudara spiritualnya, Shaikh Ahmad Zaki Yamani, mantan Menteri minyak Arab Saudi. Ahmad Zaki Yamani (30 Jun 1930-23 Februari 2021), adalah mantan Menteri Petroleum dan Sumber Mineral Saudi, dan juga Menteri Saudi ke OPEC [Organisation of Petroleum Exporting Countries] (1962-1986) merangkap Setiausaha Agungnya, serta pengasas Centre for Global Energy Studies (London 1990) dan Al-Furqan Islamic Heritage Foundation (London 1998), yang bertujuan mendokumentasi, memelihara dan menerbitkan teks-teks turath yang dikumpulkan dari seluruh dunia. Beliau adalah pengarang buku *Islamic Law and Contemporary Issues* (Honolulu, Hawaii, USA: University of Pacific Press, 2006) dan *The House of Khadeejah bint Khuwaylid (rad) in Makkah al-Mukarramah: A Historical Study of its Location, Building and Architecture* (London: Al-Furqan, 2013). (Arshad, 2017) Asad dan Pola Hamida sering berkunjung ke Riyadh, Arab Saudi setiap tahun sepanjang bulan Ramadan, sebagai tetamu kepada sahabat mereka Shaikh Zaki Yamani. (Asad & Pola Hamida, 2012, 273-276)

Dalam pengantarnya Pola Hamida menulis tentang sejarah dan konteks penyusunannya: “Ketika, pada hari pertama dari bulan November 1952, saya berpindah ke apartment suami saya di New York dan memulakan kehidupan baru saya dengan lelaki yang luar biasa itu, saya mengesani, hampir serta merta, tentang kekhilafannya yang utama, yang telah dibawanya sejak dari buaian dan kemungkinan akan diusung sampai ke kubur: iaitu kesia-siaan yang mutlak...sehari sebelum (pembicaraan) nya, saya malu-malu menanyakan tentang teks suami saya, atau paling tidak garis besar dari teksnya, dan jawapan ganjil teman hidup saya yang baru itu adalah “sudah hampir siap.” Saya menghabiskan seharian dalam ini – penyaksian pertama saya akan syarahan awam yang disampaikan oleh suami saya – dengan cemas menunggu sesuatu “berita”. Lima minit sebelum meninggalkan apartment, dia sekonyong-konyong menurunkan beberapa nota tulisan tangan di atas sekeping kad fail kecil, dan memberitahu saya itulah ianya...ini bukanlah suatu anekdot yang penting, tetapi sekadar penjelasan, mengapa saya, secara peribadi merasa sikap rendah hati suami saya adalah satu kesalahan. Biasanya, dia tidak meninggalkan “naskhah” bertulis mahupun pita rakaman dari ini dan banyak lagi pembicaraan yang disampaikan di hadapan khalayak langsung, radio dan televisyen...mujurlah, saya akhirnya menyelongkar kertas-kertas lamanya dan membongkar apa yang saya percaya sumbangan penting kepada pemikiran agama dan

politik Muslim, tetapi sebahagian besarnya telah dibuang begitu saja olehnya. Apa yang sempat diselamatkan saya persembahkan di sini, dalam bentuk buku, “sebagai rekod”, sebagai semacam contoh dari konsistensi pandangan Muslim yang luar biasa ini sepanjang tahun.” (Asad, 1987, ix-x)

This Law of Ours and Other Essays menangani masalah peradaban Islam dan Barat dan undang-undang Muslim. Secara khusus, ia membahas tentang *ijtihad* dan pandangan kreatif para Sahabat dan fuqaha yang besar pada masa lalu tentang keperluan terhadap pemikiran yang bebas berlandaskan al-Qur'an dan *sunnah* Nabi (saw). Ia juga memuatkan perspektif Asad tentang asas ideologi negara Pakistan serta pertembungan Islam dengan Barat. “Hanya sekadar berbicara pada keperluan terhadap ‘kelahiran-semula’ keimanan tidak lebih baik daripada berbangga dengan kegemilangan kita yang lampau dan menyanjung kehebatan mereka yang terdahulu daripada kita.” Asad tegaskan dalam *This Law of Ours and Other Essays*. “Keimanan kita tidak dapat dilahirkan melainkan kita *memahami apa yang ia artikan* dan pada tujuan praktikal apakah yang ia mengarahkan kita. Ia tidak memberi kita sedikitpun kebaikan jika kita dengan fasih diyakinkan bahawa program sosio-ekonomi Islam lebih baik daripada sosialisme, komunisme, kapitalisme, fasisme, dan Tuhan lebih tahu apa ‘ism’ yang lain...kita harus sebaliknya *ditunjukkan* dalam cara yang pasti, usul alternatif apa yang *shari'ah* gariskan bagi kehidupan sosial kita, apakah konsepnya yang sebenar tentang masyarakat, apakah pandangan yang ia kemukakan berhubung dengan harta individu dan barangan awam, kerja dan penghasilan, modal dan untung, majikan dan buruh, negara dan individu; apakah langkahnya yang praktikal bagi menyekat eksploitasi manusia ke atas manusia; bagi menghapuskan kejahilan dan kemiskinan; bagi mendapatkan makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak...(Asad, 1987)

Beliau menunjukkan kepraktisan yang sama yang konsisten tentang agama di tempat lain dalam buku ini: “Khutbah yang bermuka-muka tentang ‘keimanan’ dan ‘pengorbanan’ dan ‘penyerahan pada Kehendak Tuhan’ tidak dapat membawa kepada penegakkan Islam yang sebenar di bumi melainkan kita ditunjukkan *bagaimana* untuk meraih keimanan melalui pengertian yang lebih baik ke dalam rencana Tuhan, *bagaimana* untuk mengangkat ruhani kita dengan menjalani kehidupan yang salih, dan *bagaimana* untuk menyerahkan diri kita kepada Tuhan dengan melaksanakan kehendakNya sebagai individu dan masyarakat, supaya kita dapat *benar-benar* menjadi ‘umat yang terbaik yang pernah dikeluarkan bagi [kebaikan] manusia’ (surah 3:110).” (Asad, 1987)

Di tempat lain beliau menunjukkan signifikasi moral yang menjadi intisari dari idea Pakistan dan kepentingan yang praktis dari kesedarannya: “[Gerakan Pakistan...dapat menjadi titik-mula dari perkembangan Islam yang baru jika umat Islam menyedari – dan terus menyedarinya ketika Pakistan dicapai – bahawa justifikasi yang sebenar, bersejarah dari gerakan ini tidak terkandung daripada pemakaian atau pembicaraan mahupun pengucapan salam kita yang berbeza daripada penduduk yang lain di negara ini, atau dalam rungutan yang kita mungkin taruh terhadap komuniti yang lain, atau malah dalam keinginan untuk memberikan lebih banyak peluang ekonomi atau lebih

ruang bergerak kepada orang yang – lantaran desakan tabiat belaka – menggelar diri mereka ‘Muslim’: tetapi justifikasi tersebut ditemui hanya dalam keinginan kaum Muslimin untuk mendirikan pemerintahan Islam yang sebenar: dengan perkataan lain, untuk menterjemahkan prinsip-prinsip Islam ke dalam kegiatan hidup.” (Asad, 1987: 41)

Ia turut memuatkan kritiknya terhadap nilai Barat dan prospek pembaharuan dalam kehidupan *millat* di mana “Jika pemimpin kita kini mendengar debar kalbu rakyat mereka akan menyedari bahawa apa yang rakyat biasa inginkan bukan cuma negara di mana umat Islam akan memiliki prasarana ekonomi yang lebih baik daripada yang mereka dapati sekarang, tetapi negara di mana Firman Tuhan akan tegak berdaulat.” (Asad, 1987: 47)

Keasyikannya dengan etika mendasari pemikirannya tentang negara Islam (Talal Asad, 2012) yang mengilhamkan keyakinan terhadap nilai dan landas akhlak dalam beragama. Menurut Asad: “Intisari Islam tidaklah terletak dalam perbuatan ritual semata-mata – sebaliknya dalam visi moral yang diilhamkannya. Kaum Muslim moden harus menyalakan semula obor etika yang pernah menyuluh dunia suatu ketika dulu.” (Mahathir Mohamad, 2025)

Persoalan Shariah

Bahagian yang terbesar daripada buku *This Law of Ours and Other Essays* ini menguraikan tentang persoalan shariah yang dipaparkan Asad dengan hujahnya yang klasik. Ia berdasarkan tafsirannya tentang hukum yang terkesan dengan pemikiran ulama zaman pertengahan Ibn Hazm untuk membebaskan syariah daripada apa yang melangkaui ordinan al-Qur’an dan sunnah, dalam rangka: “Untuk mengembalikan *sharī’ah* Islam kepada kemurnian dan kesederhanaannya yang asal: inilah tuntutan saat ini...kita tidak dapat hidup selaras dengan Islam selama *sharī’ah* kekal tersembunyi di balik penalaran yang rumit yang dibangun sekitarnya dalam abad-abad yang memisahkan kita dari zaman Nabi (saw) dan Sahabatnya.” (Asad, 1946; Asad, 2006: 760; Josef Linnhoff 2021: 425) Hal ini turut disinggung dalam bukunya *The Road to Mecca*: ‘Ceritakanlah! – bagaimana sampai iman Nabi (saw) kalian dan kejernihan serta kesederhanaannya dikubur di dalam reruntuhan spekulasi yang mandul dan ajaran-ajaran yang berbelit-belit? (Asad, 1954)

Keterpengaruhan Asad dengan Ibn Hazm pernah disentuh dalam suratnya kepada kenalannya Mawlana Ghulam Rasul Mehr (1895-1971), sasterawan dan wartawan terkenal merangkap editor harian *Inqilab* (Asad, Muhammad & Asad, Pola Hamida 2024: 24), yang dirujuknya sebagai *Imam al-A‘zam* saya (Imam terbesar), di mana Asad mengacu pada kitab *al-Muhalla*, buku berjilid tebal tentang cabang furu‘ Islam oleh Ibn Hazm. (A.F. Musa, 2024)

Dalam pemerhatiannya yang luar biasa tentang kecenderungan mazhabnya ini, Josef Linnhoff (2021, 425-443) mendapati Asad berkongsi beberapa prinsip utama

dengan mazhab Zahiri, terutamanya berkenaan konsepnya tentang syariah yang mempunyai ruang lingkup yang dibatasi dengan teliti. Perspektif ini menurutnya menyediakan asas teoretikal bagi visi Asad tentang negara Islam – di mana syariah menetapkan hanya kerangka hukum dan moral yang mendasar, tetapi meninggalkan penguraian yang rinci kepada akal dan tafsiran manusia. Patut diperhatikan bahawa, Asad meski tidak membaca karya pemikir terkenal Ibn Hazm dalam tahun-tahun terawal di India, kemudiannya menyedari bahawa banyak kesimpulannya yang hampir selari dengan idea-idea dasar Ibn Hazm (Asad, 2006, 2). Bagi Asad, Ibn Hazm menempati kedudukan yang tinggi dalam kumpulan pemikir terpilih itu yang berusaha membebaskan Syariat yang abadi daripada apa jua yang melangkaui ordinan yang jelas dengan sendirinya daripada al-Qur'an dan sunnah Nabi (saw).

Pengaruh yang halus namun konsisten dari pendekatan Ibn Hazm yang rasional dan berbasis teks ini juga dapat dicamkan daripada tafsirnya *The Message of the Qur'an*, di mana Asad mengkonsepsualisasi Islam dalam pemahaman al-Qur'annya, yang asal, sebagai “penyerahan diri kepada Tuhan” dan seorang Muslim adalah dia “yang menyerahkan dirinya kepada Tuhan” sebagaimana diterangkannya: “yang nyata al-Qur'an tidak dapat sepenuhnya difahami jika kita membacanya hanya berasaskan ideologi yang berkembang kemudian, tanpa memahami tujuan asas dan makna yang dipunyai – dan dimaksudkan sebagai ertinya – oleh mereka yang pertama kali mendengarnya dari pengucapan Nabi (saw) sendiri. Misalnya, apabila Sahabat (rad) Baginda (saw) mendengar perkataan *islam* dan *orang islam*, mereka memahaminya sebagai mencerminkan “penyerahan diri kepada Allah (swt)” dan “*seseorang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (swt)*” tanpa membataskan istilah ini kepada mana-mana komuniti atau mazhab tertentu” (Asad, 2011, xxi).

Prinsip ini turut dijelaskan oleh Pola Hamida dalam merumuskan pendirian hukum Asad: “Jauh sejak hari-hari terawal di India lagi Asad telah mengkhutbahkan dan menulis bahawa satu-satunya cara bagi membolehkan umat Islam untuk hidup dengan undang-undang Islam – *sharī'ah* – ialah dengan menanggalkannya kepada esensinya yang asal, asasi tanpa semua penambahan dari abad-abad yang menyusul yang menghalangnya dari benar-benar dapat diterapkan...sehingga ke akhir hayatnya Muhammad Asad kekal meyakini inilah saja yang dapat membangkitkan kembali sikap Islam yang sebenar di kalangan kaum Muslim dan membawa mereka kepada takdir mereka.” (Asad & Pola Hamida, 2015, 263-4).

Al-Qur'an dan sunnah memainkan peranan yang besar dalam membentuk pemahamannya tentang syariah (John Mayberry, 2024, 33) yang menjadi sumber utama dari inspirasi Asad (Nawwab, 2002), sesuai dengan pemaknaannya tentang *nass*, sebagai direpresentasikan dari pemahaman Sahabat: “Para Sahabat, yang hidup sebagaimana mereka lakukan dalam bayang-bayang Nabi (saw) yang menginspirasi, tentunya sedar tentang maksud Pembuat-Syariat: tidak hanya mereka menginsafi bahawa *sharī'ah* telah ditetapkan sepenuhnya dalam Dua Sumber Islam – al-Qur'ān dan Sunnah - malahan, juga, semua yang Tuhan dan NabiNya (saw) maksudkan sebagai hukum terkandung

dalam ekspresi yang jelas, dipanggil *nass* (jamak *nusūs*), daripada Dua Sumber itu. Perintah sedemikian, mengikut definisi dan sifatnya sendiri, tidak dapat dikenakan kepada lebih daripada satu penafsiran: bahkan, ia tidak *memerlukan* sebarang penafsiran, yang terserlah dengan sendiri dan menjadi benar-benar jelas dan lengkap dalam maknanya. Kerana, “*nass al-Qur’ān dan Sunnah menunjukkan perintah (ahkām) yang terkandung dalam pernyataan yang terang (zāhir) daripada sumber ini*” (*Lisān al-‘Arab*, art. “*nass*”). (Asad, 1987, 42)

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam definisinya yang klasik tentang nas “setiap perintah yang jelas dari al-Qur’an dan Sunnah selamanya mengikat ke atas setiap Muslim. Tetapi melangkaui itu, wujud kebebasan memilih berhubung pandangan sesiapa jua yang lain dalam hal-hal di mana perintah Pembuat-Syariat tidak jelas dengan sendirinya...dan kerana itu diperbolehkan, tetapi tidak diwajibkan, untuk mengikut kesimpulan sesiapa saja yang lain...Barangsiapa yang enggan menerima kesimpulan orang itu tidak boleh dianggap bersalah menderhakai Tuhan dan RasulNya (saw)...tiada sesiapa yang berhak ‘membuat’ undang-undang *shar’ī* sebelah menyebelah dengan Syariat Nabi (saw)...dan jika mana-mana orang yang sampai pada kesimpulan atau menegakkan aturan tertentu berdasarkan pemahaman dan tafsirannya sendiri [terhadap Dua Sumber], orang ramai tidak terikat untuk mengikutnya.” (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1347 H., vol. 1, h. 5)

Penjelasan ini membawa kepada perumusan Asad tentang mafhum nas iaitu pernyataan yang fundamental dan *qat’ie* dari al-Qur’an dan Sunnah yaitu, apa “...yang telah digariskan dalam perintah al-Qur’an dan ditambah (atau, sebetulnya, diperincikan dan ditunjukkan) oleh Nabi Muhammad (saw) dalam tuntunannya yang kita panggil Sunnah” (Asad, 1961:3). Ini sebagai dijelaskan dalam tafsirnya pada surah 42:10 yang berbunyi: ““Dan atas apa saja yang kamu perselisihkan, [Wahai orang-orang beriman,] keputusannya adalah tertakluk kepada Tuhan.” Mengutip keterangan dari kitab-kitab tafsir klasik Asad menguraikan: “Ini, berkait dengan kalimat pertama dari ayat 8 di atas (Adapun jika Tuhan menghendaki, Dia dapat sesungguhnya menjadikan mereka seluruhnya umat yang satu), jelas berhubung dengan masalah tentang iman dan syariat agama (Baghawi, Zamakhshari). Ayat di atas telah melantarkan kepada beberapa eksponen besar syariat Islam – Ibn Hazm antara mereka – dengan salah satu hujah utama dalam menolak istinbat dengan analogi (*qiyas*) sebagai kaedah untuk “menegakkan” dasar syariat yang tidak dirumuskan sendiri dalam *nass* – iaitu, pernyataan yang terbukti-sendiri (*zahir*) dari al-Qur’an dan, dengan implikasi yang jelas, dari perintah Nabi (saw). Hal ini, sebagaimana Razi tunjukkan, adalah maksud dari frasa “atas apa saja yang kamu perselisihkan, keputusan (*hukm*)-nya tertakluk kepada Tuhan”. (Lihat dalam hubungan ini nota 120 pada 5: 101; juga bahagian tentang “Skop Perundangan Islam” dalam tulisan saya *State and Government*, hh. 11-15.) (Asad, 1980, 5:101, ft. 120; 1961, 11-15).

Bentuk penafsiran tekstual Ibn Hazm ini memberi kesan dalam pemahaman dan ikhtisarnya tentang nas, yang menawarkan bentuk istinbat yang “ketat, transparan, dan

berpijak pada autoriti wahyu secara eksklusif” (Khoirul Arsyad Abdullah, Dzulkifli Hadi Imawan, 2025) dalam menghuraikan ruang lingkup dan implikasi syariah dengan mengisbatkan makna zahir dari al-Qur’an dan hadith, di mana: “Asad adalah lelaki yang menerima siraman rohaninya daripada al-Qur’an dan *sunnah* Nabi (saw), dan menghabiskan tenaga dan ikhtiarnya dalam memelihara ideal Islam dan identiti masyarakat Muslim. Beliau adalah jagoan yang terkehadapan dalam membela *sharī‘ah* di kalangan muallaf Barat. Beliau berpegang bahawa pencapaian spiritual dan kebudayaan Islam sepanjang abad kekal sebagai pertunjukan yang cemerlang dan mengharukan, tetapi beliau berminat dengan kebesaran Muslim yang berterusan dan pelayanan mereka sebagai model bagi semua bangsa. Sering beliau terlihat jauh terkehadapan dari kalangan yang semasa dengannya dalam menganjurkan penggunaan *ijtihad*, berhujah dengan ghairah bahawa jalan yang lasak inilah satu-satunya jalan bagi memastikan kebangkitan semula yang berhasil di dunia Islam.” Nawwab (2002)

Asad mendukung kepatuhan kepada ajaran al-Qur’an dan *sunnah*; yang akhir beliau takrifkan secara umum sebagai “contoh yang Nabi (saw) telah tetapkan pada kita dalam sikap, perbuatan dan perkataannya” dan “satu-satunya penjelasan yang mengikat tentang ajaran Qur’ān.” (Asad, 1934) Ia meyakini bahawa pengetahuan tentang hadith – perkataan Nabi (saw) yang dikumpul dan dirakamkan dengan teliti, yang melengkapi dan menjelaskan al-Qur’an - adalah perlu “bagi melahirkan pemahaman yang baru dan penghargaan *langsung* terhadap semangat dan ajaran Islam yang sebenar.” (Asad, 2013) di mana “Saya harap terjemahan baru ini (*Sahih al-Bukhari*) berserta dengan syarahannya yang ekstensif, akan membantu ramai kaum Muslim yang moden untuk memahami dan menghargai semangat Islam yang sebenar.” (Arshad, 2016)

Pengaruh Ibn Hazm

Pemikiran dan doktrin hukum yang dikembangkan oleh Ibn Hazm al-Andalusi (w. 456/1064) dibahasakan dalam sub-topik kecil daripada bab “*This Law of Ours*” i.e., “a voice from nine hundred years ago”, “creative acceptance” dan “summing up”. Dalam merumuskan epistemologi dan konsep hukum yang digagaskan Ibn Hazm yang banyak mencorakkan manhaj dan teori fiqhnya Asad mencatatkan: “Pada masa itu, saya belum pernah lagi membaca apa-apa daripada tulisan pemikir Islam yang terkemuka itu, Abu ‘Alī ibn Hazm asal Cordoba; tetapi kesimpulan yang saya sampai padanya secara spontan dan mandiri membuktikan, berbulan-bulan setelah pembebasan saya daripada kem tahanan dan setelah mengkaji karya Ibn Hazm, sangat dekat kepada – meskipun tidak selalunya sama dengan – idea-idea yang fundamental dari pendahulu yang agung ini. Yang pasti, bukan semua kesimpulan *fiqhī* nya dapat atau harus diterima begitu saja: sebahagiannya adalah hasil daripada literalisme yang dogmatik yang tidak mengesyorkan dirinya tanpa keberatan pada fikiran yang berusaha memahami tujuan spiritual dan tidak hanya hukum dari *sharī‘ah*. Meskipun demikian, Ibn Hazm menempati tingkat yang sangat tinggi dari sekumpulan kecil pemikir yang menonjol dari masa lalu yang berdiri

dengan berani menentang konvensi belaka dalam usaha mereka untuk membebaskan Syariat Islam yang abadi daripada semua yang menyalahi perintah yang jelas dengan sendirinya daripada al-Qur'an dan Sunnah Nabi (saw), ke atasnya terlimpah keberkatan dan rahmat Tuhan.” (Asad, 1987: 2)

Kesan ini pernah disinggung Asad dalam suratnya kepada Ghulam Rasul Mehr (1895-1971), editor akhbar *Inqilab*, menyatakan kekaguman dan ketertarikannya dengan aliran mazhab Zahiri dan doktrin yang dikembangkannya di mana “surat ini menunjukkan bahawa salah satu pengaruh utama yang mempunyai impak yang signifikan ke atas pertumbuhan intelektual Asad adalah dari Ibn Hazm (994-1064).” (Arshad, 2016) Ia merujuk pada keterangan fiqhiyyah yang tercantum dalam kitab *al-Muhalla bi al-Athar* dan perbandingannya dengan nas dan usul fiqh konvensional: “Anda mungkin masih mengingat beberapa ketika dahulu kita membincangkan kitab *Muhallah* karya Ibn Hazm, dan anda dengan murah hati berjanji untuk meminjamkan naskhahnya kepada saya. Memandangkan kini saya sedang meneliti sebahagian aspek dari fiqh konvensional, saya boleh mendapat banyak manfaat dari Ibn Hazm yang (sebagaimana anda maklumi) adalah Imam A'zam saya. Dipohon, justeru, untuk menyerahkan buku itu kepada Maulvi Shafiq Sahib, dan saya berjanji yang ia akan dijaga dengan cermat dan dipulangkan dalam keadaan yang baik.” (Muhammad Asad & Pola Hamida Asad, 2024:24)

Surat-surat ini asalnya dikumpulkan oleh Muhammad Arshad dalam rangka kajiannya tentang ideologi politik Muhammad Asad yang menghimpunkan surat-surat peribadi Asad yang tidak diterbitkan dan disiarkan pertama kali dalam jurnal *Islamic Sciences*, Centre for Islam and Science pada 2016-2017, yang menawarkan pandangan yang berharga tentang evolusi intelektual dan peribadi Asad.

Dalam pencariannya tentang punca kekeliruan yang merata tentang hukum, Asad mendapati ini disebabkan penambahan yang dibuat terhadap hukum syarak yang merumitkan serta “simpang-siur konsep yang saling berkonflik”, yang berasal dari *corpus juris* tambahan yang mengandungi ketetapan yang diambil dari al-Qur'an dan Sunnah melalui istinbat. Melalui kesimpulan *ijtihadi* itu masyarakat Muslim dimungkinkan untuk mencari jalannya dalam masalah-masalah hukum yang tidak termasuk dalam tubuh *shariah* itu sendiri, dan dengan itu sebahagian besarnya bebas daripada konsep perundangan luar, yang bukan Islamik. Tetapi dengan bertambahnya masalah-masalah perundangan, timbul kecenderungan, yang hampir tidak disedari, untuk memperlakukan kesimpulan-kesimpulan ilmiah itu (tanpa kerelaan pengarangnya) bukan sebagai penambahan tetapi sebagai membentuk sebahagian, daripada *shariah* itu sendiri (Asad, 1987: 46). Dalam konteks ini Asad menekankan keperluan untuk mengharmonikan idea-idea yang diungkapkan oleh *ahl as-salaf al-salih* dan menyederhanakan fiqh kepada esensinya yang asal, ramping: “mengapa masyarakat yang telah dibekalkan petunjuk spiritual yang mengagumkan melalui al-Qur'an dan teladan-hidup Nabi yang Terakhir (saw) setelah sekian abad gagal untuk sampai pada konsep hukum yang jelas, tanpa sebarang kesamaran yang disepakati melalui mana petunjuk itu dapat direalisasikan secara praktikal. Dan suatu hari, sekonyong-konyong satu jawapan kepada persoalan yang menyiksa ini mempertunjukkan dirinya kepada saya: umat Islam tidak boleh dan

tidak mungkin menerapkan Undang-Undang Islam kepada permasalahan sebenar dari kehidupan umum dan peribadi mereka kerana Undang-Undang itu telah dikaburkan kepada mereka – dan, oleh itu, membuatnya tidak praktikal – oleh spekulasi dan perbezaan hukum selama berabad-abad. (Asad, 1987: 1-2)

Ijtihad

Suatu yang menarik perhatian Asad dalam permasalahan ijtihad ialah keindahan rumusan Ibn Hazm (1347 H.) dalam kitabnya *al-Muhalla bi al-Athar* (vol. 1, h. 66) tentang perlunya pentaklid untuk bertanya dari satu orang ke satu orang yang ahli tentang nas agama sehingga mendapatkan kepastian yang putus persis sebagai tercantum dalam sumber asal syariat: “Dan bagi orang yang, kerana satu alasan atau lainnya, tidak mampu mendapatkan, tanpa dibantu, pemahaman yang langsung tentang Syariat, seseorang tidak dapat berbuat lebih baik daripada mengutip perenggan yang berkaitan daripada karya salah seorang pemikir Muslim yang terbesar pada masa lalu: “[Dalam perkara *shar‘ī*] tidak sah (*lā yuhillu*) bagi seseorang untuk mengikut secara membuta pendapat sesiapa pun yang lain, hidup atau mati, mengingat bahawa setiap orang diwajibkan untuk memakai penalaran bebas sesuai dengan kemampuannya [untuk melakukannya]: kerana dia yang menanyakan tentang masalah agamanya hanya ingin memperoleh pandangan tentang apa yang diperintahkan Tuhan dalam konteks agamanya. Justeru, jika kebetulan dia sepenuhnya jahil [makna literal, “sejahil-jahil makhluk” (*ajhal al-bariyyah*)] wajiblah ke atasnya untuk menemui orang yang mana di bahagian dunianya yang paling alim tentang urusan agama yang didatangkan oleh Pesuruh Tuhan (*saw*); dan manakala [orang alim] ini ditunjukkan kepadanya, dia harus mengajukan masalahnya kepadanya. Setelah yang akhir menerangkan kepadanya ketetapan hukum yang berkaitan (*aftahu*), si penanya harus menyoal: ‘Adakah seperti ini (*hākadhā*) yang Tuhan dan PesuruhNya (*saw*) nyatakan [tentang hukuman] ini?’ Sekarang jika orang alim itu mengiyakan, si penanya harus menerima [jawapan] itu dan seterusnya bertindak berdasarkan hal tersebut. Tetapi jika orang alim itu memberitahunya, ‘Ini adalah pendapat peribadi saya (*ra’yī*)’, atau bahawa ‘Ini adalah penghakiman dengan kias banding (*qiyās*)’ atau ‘Ini adalah fatwa si fulan dan si fulan’, menyebut seorang Sahabat Nabi (*saw*) atau tabi‘in atau faqih tua atau kontemporari, atau jika dia tetap diam, atau jika dia mencela si penanya [kerana menanyakan soal itu], atau jika dia memberitahunya, ‘saya tidak tahu’- maka tidak sah baginya [yang bertanya] untuk menerima fatwa lelaki itu; tetapi, tetap saja, dia harus menunjukan pertanyaannya kepada [orang alim] yang lain.” (Asad, 1987: 39)

Tema terkait fatwa dan prinsip ijtihad ini sebenarnya telah pun dianalisis dan diperdebatkan dalam karya-karya klasik polymath Muslim abad pertengahan yang menghuraikan aspek-aspek fundamental tentang ahkam dan ikhtilaf mazhab yang cukup signifikan dalam tradisi pemikiran dan warisan intelektual Islam. Daripada ideal seputar fiqh dan ijtihad inilah analisis dan penelitian Asad tentang hukum berkembang.

Dalam karyanya, Asad banyak menekankan keperluan ijtihad dalam dunia moden di mana ia “telah menyumbang lebih dari yang lain untuk menjelaskan Islam sebagai satu

ideologi dan menyampaikan semangatnya yang klasik dalam pengucapan kontemporer kepada umat Islam dan bukan Islam juga.” (Nawwab, 2002) Asad pernah mempengerusikan International Islamic Colloquium, yang dirancang oleh University of Punjab pada 1956 yang menjadi platform penting para ulama untuk membincangkan topik yang meluas seperti konsep negara Islam, perundangan Islam dan *ijtihad*, budaya dan tamadun Islam, dan doktrin ekonomi Islam.

Penjelasan tentang prinsip nalar dan *ijtihad* ini dikembangkan oleh Asad daripada tinjauannya tentang hujah fuqaha dan pelopor mazhab yang muktabar seperti Ibn Hazm dalam *al-Muhallā* dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam *Zād al-Ma‘ād* yang menekankan kepentingan akal dan pemikiran serta idealisme pembaharuan dan kelestariannya dalam tradisi intelektual dan peradaban Islam. (A.N. Amir, 2016) Tema *ijtihad* dan rekonstruksi pemikiran ini menjadi topik yang signifikan yang dilontarkan Asad dalam perbincangannya yang berkaitan dengan fiqh dan syari’ah yang meneliti konsep dan pemahaman tentang prinsip hukum dan falsafahnya yang berpengaruh dalam teori usul dan fiqh konvensional (A.N. Amir, 2019). Polemik tentang *ijtihad* ini berkisar daripada sejarah peradaban dan pemikiran dan tradisi kebudayaan Islam yang berakar dengan nilai intelektual. Gambaran ini ditampilkan dalam penulisan Asad yang berbobot yang mendasari hujahnya untuk mengembalikan semangat pencerahan dan kebebasan akliah dan penyangkalannya terhadap dugaan penutupan pintu *ijtihad*.

Asad percaya umat Islam moden dan mendatang punyai keluwesan yang besar untuk menangani secara kreatif – melalui *ijtihad*, penalaran yang bebas – dunia yang sentiasa-berubah dan cabaran yang menyertainya. Namun beliau percaya mereka harus, ketika melakukan *ijtihad*, terikat dengan al-Qur’an dan *sunnah*. Beliau percaya dalam semua perkara yang jelas diperintahkan oleh *shari’ah*, kedaulatan hanya dimiliki Tuhan sahaja, tetapi dalam kebanyakan lapangan yang lain, seperti bentuk sistem politik yang harus diambil, Tuhan dalam kebijaksanaanNya telah memberikan orang beriman hak, dan mengenakan ke atas mereka tugas, untuk menggunakan fikiran mereka dan untuk mencapai keputusan bagi zaman mereka melalui musyawarah. Asad memberikan penekanan yang berat pada prinsip al-Qur’an tentang perundingan; beliau tidak memberikan jalan kepada sistem kerajaan yang totaliter, yang beliau anggap merusak dan anti-Islam. (Nawwab, 2002)

Bakat dan pemikiran Asad yang serba boleh mekar dengan halus dalam jurusan perundangan Islam – *shari’ah* – dan teori politik Islam. Kedua bidang ini penting kepadanya, sepertimana beliau rasakan bahwa kejayaan spiritual dan duniawi masyarakat Islam bergantung sebahagian besarnya atas pemahaman dan penerapan yang tepat dari undang-undang Islam dan atas sistem politik yang mempan. (Nawwab, 2002) “[Sebuah] negara Islam,” Asad mengusulkan dalam *The Principles of State and Government in Islam*, “bukanlah suatu tujuan atau pengakhiran dalam dirinya tetapi hanyalah suatu sarana: tujuannya adalah pertumbuhan suatu masyarakat manusia yang menegakkan persamaan dan keadilan, membela kebenaran dan melawan kezaliman – atau, untuk menyatakannya lebih tepat, masyarakat manusia yang bekerja bagi penciptaan dan

pemeliharaan kondisi sosial tersebut yang memungkinkan sebesar mungkin jumlah manusia untuk hidup, secara moral dan fizikal, mengikut Syariah Tuhan yang lahiriah – Islamik.” (Asad, 1961)

KESIMPULAN

Ringkasnya, dasar dan kefahaman hukum yang dirumuskan Asad dalam buku *This Law of Ours and Other Essays* digarap dari perspektif mazhab yang sarat dengan nilai estetis dan fungsionalnya yang mengedepankan pandangan tradisional Zahiri yang klasik. Ia membentuk aspek yang universal dari pemikiran syariat berasaskan istinbat fiqhnya yang mengesankan dalam mengilhamkan pertumbuhan sosial dan kultural umat. Aspirasi dan kefahaman hukum ini dibawakan dalam konteks manhaj yang dikembangkan dari perspektif Daud ibn Ali al-Zahiri dan fuqaha Andalus Ibn Hazm al-Andalusi dalam kitabnya *al-Muhalla bi al-Athar*. Temanya merangkumi fikrah yang menyeluruh tentang fiqh, ijihad, tauhid, prinsip perundangan Islam dan aspek *furū'* dan hukum hakam yang transenden. Idea-idea hukum yang diungkapkannya menekankan kesedaran metafizik dan pandangan etika-hukum sebagai “tabiat moral” yang memandu kehidupan masyarakat luas. Tafsirnya diacu daripada fatwa dan kesimpulan-kesimpulan mazhab yang berasal dari Ibn Hazm yang menzahirkan pengaruhnya yang universal dan mendalam dalam perbincangan hukum dan undang-undang syariat berasaskan tafsiran tekstualnya yang klasik dan pemahamannya yang dogmatik terhadap nusus syariah yang dirampingkan dalam sifatnya yang esensial, sederhana. Ini dirangkai dalam usahanya menghuraikan ruang lingkup dan implikasi yang praktikal dari undang-undang Islam, berasaskan faham literalismenya yang menjadi representasi konkrit dari penolakannya terhadap akal, logika dan qiyas.

DAFTAR PUSTAKA

- Amir, Ahmad Nabil. (2016). “Muhammad Asad tentang Ijtihad,” diakses dari <https://irfront.org/post/muhammad-asad-tentang-ijihad-2-5537#>. [November 16]
- Amir, Ahmad Nabil. (2019). “Pandangan Muhammad Asad tentang Syariah”. *Tafaquh: Jurnal Penelitian dan Kajian Keislaman* 7 (1): 13-30.
- Arshad, Muhammad. (2016). “Muhammad Asad: Twenty-Six Unpublished Letters.” *Islamic Sciences*, Vol. 14 (Iss. 1, Summer), 25-66.
- Arshad, Muhammad. (2016). “Muhammad Asad and Pola Hamida Asad: twenty-two unpublished letters.” *Islamic Sciences*, vol. 14 (no. 2, Winter), 158-186.
- Arshad, Muhammad, (2017). “A Life in Letters: Muhammad Asad and Pola Hamida Asad to Muhammad Husain Babri. Part I: Sixty-Eight Letters (1937-1963).” *Islamic Sciences*, Vol. 15 (Iss. 1, Summer), 3-71.
- Arshad, Muhammad. (2017). “A Life in Letters: Muhammad Asad and Pola Hamida Asad to Muhammad Husain Babri. Part II: Twenty-Three Letters (1964-1985).” *Islamic Sciences*, Vol. 15 (Iss. 2, Winter), 116-141.

- Asad, Muhammad. (1935). *Sahih al-Bukhari: Translated from the Arabic with Explanatory Notes and Index (volume I – part I)*. Srinagar, Kashmir: The Arafat Publications, (reprinted Lahore 1938)
- Asad, Muhammad. (1934). *Islam at the Crossroads*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf (reprinted Lahore: Arafat Publications).
- Asad, Muhammad. (1946). “The Outline of a Problem.” *Arafat: A Monthly Critique of Muslim Thought*, 1 (1, September), dalam M. Ikram Chagatai, ed. (2006). *Europe’s Gift to Islam: Muhammad Asad (Leopold Weiss) Volume II*. (h. 760). Lahore: Sang-e-Meel Publications.
- Asad, Muhammad. (1948). “Calling All Muslims.” *Arafat: A Monthly Critique of Muslim Thought*, 2: 86-108.
- Asad, Muhammad. (1954). *The Road to Mecca*. New York: Simon & Schuster.
- Asad, Muhammad. (1961). *The Principles of State and Government in Islam*. Berkeley and Los Angeles, California: University of California Press.
- Asad, Muhammad. (1964). *Asas-Asas Negara dan Pemerintah di dalam Islam*. Terjemahan Muhammad Radjab. Jakarta: Bhratara.
- Asad, Muhammad. (1980). *The Message of The Qur’an*. Gibraltar: Dar al-Andalus.
- Asad, Muhammad. (1987). *This Law of Ours and Other Essays*. Gibraltar: Dar al-Andalus.
- Asad, Muhammad & Asad, Pola Hamida. (2012). *Home-Coming of the Heart*. M. Ikram Chaghatai (Ed.). Lahore: The Truth Society.
- Asad, Muhammad. (2013). *Sahih al-Bukhārī: The Early Years of Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Asad, Muhammad & Asad, Pola Hamida. (2015). *Home-Coming of the Heart (1932-1992): Part II of the Road to Mecca*. M. Ikram Chaghatai (Ed.). Lahore: Pakistan Writers Cooperative Society.
- Asad, Muhammad & Asad, Pola Hamida. (2024). *The Unpublished Letters of Muhammad Asad*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust & Islamic Renaissance Front.
- Hasan Zillur, Rahim. (1995). *Muhammad Asad: Visionary Islamic Scholar*. *Washington Report on Middle East Affairs*, September (Posted on December 16, 2009), *Issues in Islam*, 45–46. <http://www.washingtonreport.me/1995-september/issues-in-islam-muhammad-asad-visionary-islamic-scholar.html>
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali. (1347 H.) *Al-Muhalla*. Kaherah: t.tp.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali. (2016). *Al-Muhalla*. Khatib Amir, Abu Faiq Fery (terj.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ibn Qayyim, Abu ‘Abd Allah Muhammad al-Jawziyyah. (1347 H.). *Zad al-Ma ‘ād fi Hady Khayr al- ‘Ibād (saw)*. Kaherah: t.tp.
- Ismail Ibrahim Nawwab. (2002). “Berlin to Makkah: Muhammad Asad’s Journey into Islam”. *Saudi Aramco World*, January/February, 6-32. Retrieved from <http://archive.aramcoworld.com/issue/200201/berlin.to.makkah-muhammad.asad.s.journey.into.islam.htm>
- John, Mayberry. (2024). “Muhammad Asad: Traditionalist or Modernist?” *Journal of the Contemporary Study of Islam*, 2 (1): 33-44. <https://doi.org/10.37264/jcsi.v4i1.03>
- Khoirul Arsyad Abdullah, Dzulkifli Hadi Imawan. (2025). “Analisis Metodologi Istibath Hukum Tekstual Ibn Hazm dalam Kitab al-Muhalla bi al-Atsar”. *Jurnal Madzhab* 2 (1): 17-36.
- Linnhoff, Josef (2021). A modern-day Zāhiri? The legal thought of Muhammad Asad (1412/1992). *The Muslim World*, 111: 425-443. <https://doi.org/10.1111/muwo.12407>

- Mahathir, Mohamad. (2025). "Speech at the Book Launch Event – *The Unpublished Letters of Muhammad Asad*." 16 August, HARTA Space, Ampang Kuala Lumpur.
- Martin Kramer. (1999). "The Road from Mecca: Muhammad Asad (born Leopold Weiss)". Dalam *The Jewish Discovery of Islam*. Tel Aviv: The Moshe Dayan Center for Middle Eastern and African Studies, Tel Aviv University.
- M. Ikram Chagatai, ed. (2006). *Europe's Gift to Islam: Muhammad Asad (Leopold Weiss) Volume II*. Lahore: Sang-e-Meel Publications.
- Musa, A.F. (2025). [Review of the book *The Unpublished Letters of Muhammad Asad*, by Muhammad & Asad, Pola-Hamida]. *Intellectual Discourse*, 33 (3), 1105-1109. <https://doi.org/10.31436/id.v33i3.2482> dan <https://irfront.org/post/ulasan-buku-surat-surat-muhammad-asad-yang-terpendam-14828>
- Muzaffar Iqbal. (2016). "The Making of a Free Thinker in Islam (Part I) Muhammad Asad: The Pakistan Years." *Islamic Sciences*, Vol. 14 (Iss. 1, Summer), 3-24.
- Talal Asad. (2012). "Muhammad Asad, between religion and politics." *Islam and Science*, 10: 155-165.
- Wilmot, Fadlullah. (2024). Pengantar. Dalam Asad, Muhammad & Asad, Pola-Hamida. *The Unpublished Letters of Muhammad Asad*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust & Islamic Renaissance Front.